



Sepetang Bersama Wanita Pertama Malaysia



Datin Paduka Seri Rosmah Mansor ketika memberi ucapan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

SERDANG, 30 Okt – Walaupun mempunyai jadual harian yang padat, saya tetap meluangkan masa untuk bersama-sama warga Universiti Putra Malaysia (UPM) pada petang ini, kata Wanita Pertama Malaysia, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor pada majlis Sepetang Bersama Wanita Pertama Malaysia@Putra.FM.

Majlis yang berlangsung di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM tersebut telah dianjurkan oleh siswazah Master Komunikasi Korporat sesi 2009/10 bertujuan untuk mendekatkan pelajar UPM dengan isteri Perdana Menteri melalui saluran radio kampus Putra.FM.

Selain itu, majlis tersebut juga bertujuan memberi ruang kepada Datin Paduka Seri Rosmah untuk berkongsi pandangan beliau mengenai konsep 1Malaysia bersama-sama.

Ketika ditemubual oleh juruhebah Putra.FM, beliau berkata konsep 1Malaysia sudah lama dipraktikkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia cuma konsep yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri itu memberi penekanan utama dalam aspek penerimaan, pemahaman dan penghormatan antara satu sama lain.



Datin Paduka Seri Rosmah ketika ditemubual oleh DJ Putra.FM.

“Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri bukan sahaja tertumpu pada konsep toleransi sesama kita tetapi juga penerimaan kita terhadap budaya dan kepercayaan bangsa lain yang seterusnya mampu mengukuhkan tunggak kepercayaan dalam masyarakat berbilang kaum di negara kita,” katanya di konti Putra.FM.

Beliau turut menasihatkan pelajar agar menjadi pemangkin kepada semangat 1Malaysia

agar sentiasa menghormati budaya bangsa lain demi mengekalkan kestabilan negara.

“Kita seharusnya mensyukuri nikmat keamanan dan kebebasan yang ada di Malaysia kerana jika kita tidak berusaha mengekalkan keamanan ini, kita akan menjadi seperti Palestin yang rakyatnya sentiasa ditindas oleh pihak-pihak yang suka mengambil kesempatan.

“Saya yakin pelajar UPM merupakan golongan yang terpilih dan cerdas dalam menilai sesuatu perkara supaya dapat membantu semua pihak dalam isu polarisasi kaum,” katanya yang meluangkan masa hampir 3 jam bersama-sama pelajar UPM pada majlis tersebut.

Menurut Pengarah Program, Nurulhidayah Zahid Hamidi, selain melaksanakan tuntutan program Master mereka, program itu turut menjadi cabaran kepada mereka untuk membuktikan kemampuan sebagai pelajar Master Komunikasi Korporat menganjurkan sesebuah majlis.

Majlis yang dihadiri oleh alumni UPM Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan isteri turut dihadiri oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.



Datin Paduka Seri Rosmah bermesra dengan pelajar-pelajar UPM.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.